

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 15 Julai 2021 12:14
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Cakna Bantu Staf PPKKTPIS Yang Memerlukan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 JULAI 2021 / 5 ZULHIJAH 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Raja Muhammad Faiz Raja Iskandar (Pelajar Pelatih dari SMMTC)
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM CAKNA BANTU STAF PPKKTPIS YANG MEMERLUKAN



UUM ONLINE: Cakna dengan kebajikan staf yang terkesan akibat pandemik Covid-19, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani turun padang menyampaikan bakul makanan kepada staf di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Tunku Puteri Intan Safinaz (PPKKTPIS), petang semalam.

Naib Canselor berkata, beliau memahami dan mendengar permasalahan yang dialami berikutan penularan pandemik sehingga kerajaan terpaksa mengambil langkah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengawal wabak tersebut dari terus merebak.

Menurutnya, Covid-19 memberikan impak besar kepada semua hingga ada yang terjejas punca pendapatan, justeru dengan sumbangan bakul makanan yang diberikan itu diharapkan dapat meringankan bebanan mereka yang terlibat.

“UUM sentiasa mengutamakan kebajikan bukan sahaja pelajar, malahan staf dan kita berusaha sebaik mungkin memastikan tiada yang dihimpit kesusahan,” katanya.

Sementara itu, Pengurus PPKKTPIS, Norhayati Hassan berkata, seramai sembilan staf terpilih menerima bantuan bakul makanan termasuk sumbangan kewangan yang disampaikan Naib Canselor itu.

Menurutnya, mereka yang dipilih ini terdiri pengasuh dan tukang masak yang mana ada antaranya merupakan ibu tunggal serta mempunyai bilangan tanggungan ramai.

Penerima, Norshakila Shaari berkata, dia gembira dan berterima kasih kepada pihak universiti yang mengambil berat tentang kebajikan staf.

“Sumbangan yang diterima ini sangat bermakna kepada saya untuk meneruskan hidup dan pada masa sama meringankan sedikit bebanan ditanggung.

“Saya mengharapkan pendapatan sebagai pengasuh untuk membesarkan empat anak sendirian. Terima kasih kepada Naib Canselor dan pengurusan PPKKTPIS dan UUM yang banyak membantu di saat pandemik ini,” katanya.

Rohaya Razali yang telah berkhidmat selama 25 tahun di tadika tersebut mengucapkan syukur dan terima kasih kepada UUM di atas sumbangan yang diberikan.

Menurutnya, sebagai ibu tunggal dia sangat menghargai setiap sumbangan yang diterima kerana satu sumbangan itu sudah cukup bermakna bagi dia sekeluarga terutama ketika pelaksanaan PKP ini.

Penyerahan bakul makanan telah diadakan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.